



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Kali Ke-53**

---

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 02 Safar 1443 / 09 September 2021**

1. Di bawah Tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*", Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Kali Ke-53 telah diadakan pada 8 dan 9 September 2021 secara persidangan video. Mesyuarat tersebut telahpun dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat berkenaan telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Ekonomi negara-negara anggota ASEAN dan Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi, Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi).
  
2. Dalam ucapan pembukaannya, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah berharap agar ASEAN dapat melangkah maju menjelang pasca COVID-19 dengan perspektif ekonomi baru dan penyusunan semula keutamaan nasional dan serantau agar ASEAN dapat membaik pulih dan meraih manfaat secara bersama. Optimistik bahawa ASEAN akan dapat bersama-sama menyesuaikan kepada "norma baru" dengan stabil, Yang Berhormat Dato telahpun mengongsikan beberapa pengajaran penting yang dapat diperolehi daripada pandemik ini iaitu: (1) Pertama, kerjasama dan *multilateralisme* adalah asas bagi memastikan



pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan dinamik terutama sekali di bidang pengembangan dan pengedaran vaksin, iaitu dalam memastikan perkara ini dilaksanakan dengan adil, terbuka, selamat dan saksama; dan (2) Kedua, meningkatkan kepentingan dalam mempercepatkan pelaksanaan kaedah penggunaan digital di rantau ini terutamanya dalam mengembangkan strategi untuk mengurangkan kesan COVID-19.

3. Semasa sesi mesyuarat berkenaan, para Menteri telah bertukar pandangan mengenai dengan hal-hal yang berkaitan dengan situasi COVID-19 di rantau ini, dan juga maklumat terkini dan amalan terbaik dalam usaha pemulihan pasca pandemik; manfaat yang dapat diperolehi daripada transformasi digital yang berterusan di rantau ini; dan dasar ekonomi hijau dalam konteks pembangunan mampan sebagai strategi pemulihan ekonomi pasca COVID-19. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai dengan kemajuan pencapaian *Priority Economic Deliverables* (PEDs) di bawah kepimpinan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN 2021 yang mana Menteri-Menteri telah mengesahkan beberapa PEDs yang terkandung.
4. Para Menteri juga telah dimaklumkan mengenai perkembangan persiapan bagi penguatkuasaan Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan mengambil maklum kerja-kerja pelaksanaan telah dibuat oleh Jawatankuasa bersama Interim-RCEP yang dijangka akan berkuatkuasa pada bulan Januari 2022. Para Menteri juga membincangkan persiapan mesyuarat-mesyuarat bersama ASEAN Dialogue Partners yang akan diadakan pada 13 hingga 15 September 2021.



5. Mesyuarat juga telah mengadakan sesi bersama perwakilan ASEAN Business Advisory Council (BAC) dan bertukar pandangan mengenai isu berkaitan usaha pemulihan pasca COVID-19.
6. Siaran Media Bersama bagi Mesyuarat ASEAN Economic Ministers' (AEM) Kali Ke-53, boleh dimuat turun melalui laman [web Sekretariat ASEAN](#).
7. Sebelum berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-53, Mesyuarat *ASEAN Free Trade Area (AFTA) Council (AFTA)* ke-35 dan Mesyuarat *ASEAN Investment Area (AIA)* ke-24 telahpun diadakan. Mesyuarat AFTA Council kali ke-35 membincangkan perkembangan dan kemajuan pelaksanaan *ASEAN Trade In Goods Agreement (ATIGA)*. Sementara itu, mesyuarat AIA Council kali ke-24 antara lain telahpun membincangkan kemajuan terkini aktiviti pelaburan di ASEAN dan membincangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Pengawasan Pelaburan ASEAN untuk tahun 2021 dan isu-isu yang berkaitan dengan perdagangan barangan dan pelaburan di rantau ASEAN.
8. Mesyuarat AEM ke-53 telah didahului oleh Mesyuarat Persiapan Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN (Prep-SEOM) pada 6 dan 7 September 2021. Mesyuarat berkenaan telahpun dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan negara-negara anggota ASEAN, pegawai-pegawai dari Sekretariat ASEAN dan pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

